



**SURAT PEMBERITAHUAN**

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERDANA MENTERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**BILANGAN 03/2020**

**PEPERIKSAAN  
UNDANG-UNDANG AM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
(GENERAL LAWS) SECTION C  
DAN  
PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
(CONSTITUTION OF BRUNEI DARUSSALAM) SECTION B  
BAGI TAHUN 2020**

Dengan hormat sukacita dimaklumkan bahawa pegawai-pegawai yang layak adalah dipelawa untuk menduduki peperiksaan tersebut di atas.

Syarat-syarat untuk menduduki peperiksaan tersebut adalah seperti berikut:

**1. SYARAT UTAMA**

- 1.1 Pegawai-Pegawai di bawah Skim Perkhidmatan Pentadbiran Brunei (B.A.S) ;
- 1.2 Pegawai-Pegawai di bawah Skim Perkhidmatan Jawatan-Jawatan Dalam Perkhidmatan Perhubungan Awam Jabatan-Jabatan Kerajaan yang dipersyaratkan untuk menduduki dan lulus peperiksaan Perlembagaan Negara Brunei Darussalam (Constitution of Brunei Darussalam) Section B ;
- 1.3 Pegawai-pegawai dalam Bahagian II **yang mahu** menduduki kertas peperiksaan Perlembagaan Negara Brunei Darussalam (Constitution of Brunei Darussalam) Section B.

**2. SYARAT LAIN**

- 2.1 **PEGAWAI YANG BARU MEMOHON** untuk menduduki peperiksaan adalah dimestikan menduduki **SEMUA KERTAS PEPERIKSAAN** kecuali bagi pemohon di para 1.2 dan 1.3.

Rujukan : JPA/1.6/7/2 Pt.4

Tarikh : 18 Jamadilawal 1441 / 14 Januari 2020

Muka surat 1/3



### 3. JADUAL PEPERIKSAAN

3.1 Jabatan Perkhidmatan Awam akan menentukan tarikh, tempat dan jumlah pemohon bagi setiap peperiksaan yang dijalankan. Jadual Peperiksaan adalah seperti berikut:

Undang-Undang Am Negara Brunei Darussalam (General Laws) Section C	Perlembagaan Negara Brunei Darussalam (Constitution Of Brunei Darussalam) Section B	Tarikh tutup penerimaan borang
23 Jun 2020 Selasa	25 Jun 2020 Khamis	21 Mei 2020 Khamis
24 November 2020 Selasa	26 November 2020 Khamis	22 Oktober 2020 Khamis

**\*\* Tarikh-tarikh yang dinyatakan adalah tertakluk kepada sebarang perubahan.**

### 4. TATACARA MENGHADAPKAN PERMOHONAN

4.1 Pemohon hendaklah mengisi Borang Permohonan dengan **lengkap dan teratur**. Borang Permohonan boleh dimuat turun melalui laman sesawang rasmi Jabatan Perkhidmatan Awam di **[www.jpa.gov.bn](http://www.jpa.gov.bn)** ;

4.2 Pemohon boleh menghadapkan Borang Permohonan terus ke Jabatan Perkhidmatan Awam di :

**Unit Perkhidmatan Sumber Manusia  
Jabatan Perkhidmatan Awam  
Simpang 156, Jalan Kumbang Pasang  
Bandar Seri Begawan BA1311  
Negara Brunei Darussalam**

atau e-mel:

**[info.kapasiti@psd.gov.bn](mailto:info.kapasiti@psd.gov.bn)**

4.3 Borang Permohonan hendaklah sampai ke Jabatan Perkhidmatan Awam sebelum tarikh tutup yang dinyatakan di para 3.1 ;

4.4 Borang Permohonan yang tidak lengkap, tidak mengikut tatacara yang ditetapkan dan lewat diterima **TIDAK AKAN DILAYAN**.



## 5. HAL – HAL LAIN

- 5.1 Jabatan Perkhidmatan Awam akan menentukan tarikh, tempat dan jumlah pemohon bagi setiap peperiksaan yang dijalankan. Walau bagaimanapun, Jadual Peperiksaan adalah tertakluk kepada perubahan ;
- 5.2 Nombor Indeks akan dimaklumkan melalui laman sesawang rasmi Jabatan Perkhidmatan Awam di **www.jpa.gov.bn** ;
- 5.3 Surat alasan/tunjuk sebab kerana gagal menghadiri peperiksaan hendaklah dihadapkan ke Jabatan Perkhidmatan Awam dan memberikan salinan kepada Ketua Jabatan masing-masing **tidak lewat satu (1) minggu selepas tarikh peperiksaan.**

## 6. KETERANGAN LANJUT

Sebarang pertanyaan bolehlah berhubung melalui e-mel berikut:

**info.kapasiti@psd.gov.bn**

Sekian peramba/kaola/saya sampaikan untuk makluman bersama.

وَاللَّهُ وَلِيُّ الْمُؤْمِنِينَ

"Perkhidmatan Awam Berintegriti dan Berinovasi Pemangkin Pembangunan Negara"  
"Bersatu Menjana Kemajuan Negara"

[ DR NORFARIZAL BIN OTHMAN ]  
Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam



**BORANG PERMOHONAN  
PEPERIKSAAN  
UNDANG-UNDANG AM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
(GENERAL LAWS) SECTION C  
DAN  
PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
(CONSTITUTION OF BRUNEI DARUSSALAM) SECTION B**

**SILA BACA SEMUA ARAHAN DAN PANDUAN SEBELUM MENGISI BORANG INI**

**ARAHAN UMUM:**

- i. Pastikan keterangan yang diberikan adalah lengkap dan teratur.
- ii. Pemohon hendaklah menyertakan **salinan kad pengenalan pintar**.
- iii. Pemohon yang baru memohon peperiksaan ini hendaklah menyertakan **salinan Surat Lantikan** jawatan pada masa ini dan **salinan kad pengenalan pintar**.
- iv. Kementerian/Jabatan pemohon hendaklah menghadapkan Borang Permohonan ke Jabatan Perkhidmatan Awam di alamat berikut :

**Unit Perkhidmatan Sumber Manusia  
Jabatan Perkhidmatan Awam  
Simpang 156, Jalan Kumbang Pasang  
Bandar Seri Begawan BA1311  
Negara Brunei Darussalam**

atau e-mel:

**[info.kapasiti@psd.gov.bn](mailto:info.kapasiti@psd.gov.bn)**

- v. Borang Permohonan yang lengkap hendaklah sampai ke Jabatan Perkhidmatan Awam sebelum tarikh tutup yang telah ditetapkan.
- vi. Borang Permohonan yang tidak lengkap, tidak mengikut tatacara yang ditetapkan dan lewat diterima **TIDAK AKAN DILAYAN**.

**Untuk diisi oleh pemohon:**

1. a) Nombor K/P :   -
- b) Warna :  Kuning  Merah
2. Jantina :  Lelaki  Perempuan
3. Nama pemohon ( mengikut Kad Pengenalan Pintar ) :

**Nota:** Sila pastikan ejaan nama dan gelaran adalah betul dan lengkap untuk kegunaan penyediaan slip keputusan/sijil. Sebarang perubahan atau pembetulan tidak akan dilayan setelah slip keputusan/sijil dikeluarkan.

4. a) Jawatan sekarang :
- b) Tanggagaji :
- c) Tarikh mula lantikan dalam tanggagaji sekarang :
- d) Kementerian/ Jabatan/Sekolah tempat mengajar :
- e) No.Telefon: Pejabat :  Bimbit :
- No. Fax :  e-mel :

5. Tarikh peperiksaan yang dipohon:

Undang-Undang Am Negara Brunei Darussalam (General Laws) Section C	Sila tandakan ✓	Perlembagaan Negara Brunei Darussalam (Constitution Of Brunei Darussalam) Section B	Sila tandakan ✓	Tarikh tutup penerimaan borang
23 Jun 2020 Selasa		25 Jun 2020 Khamis		21 Mei 2020 Khamis
24 November 2020 Selasa		26 November 2020 Khamis		22 Oktober 2020 Khamis

*Bagi yang dikehendaki menduduki kedua-dua peperiksaan, sila tandakan 'L' pada peperiksaan yang SUDAH LULUS.*

6. Pengesahan pemohon :

**Saya akui segala keterangan yang diberikan adalah benar.**

.....  
Tandatangan Pemohon

Tarikh : .....